



DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Semester & Year : May - August 2020
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1 This question paper consists of 2 parts:

PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.

**PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
 SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**

Answers are to be written in the Answer Booklet provided.

2 Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.

3 This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.

4 Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**BAHAGIAN A
ARAHAN**

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

: SOALAN OBJEKTIF (30 MARKAH)

: Jawab semua soalan di bawah ini. Pilih jawapan yang paling tepat dan tandakan di atas kertas OMR yang disediakan.

BAHAGIAN A TAMAT

Page **2** of **11**

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus ialah wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan pada pertengahan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga 18 April, lebih daripada 2.3 juta (2,300,000) kes COVID-19 telah dilaporkan dalam sekurang-kurangnya melibatkan 180 buah negara.

Virus ini kebanyakannya menular antara seseorang individu dengan cara yang serupa dengan influenza, melalui titisan pernafasan daripada batuk atau bersin. Masa antara pendedahan dan permulaan gejala biasanya lima hari, tetapi mungkin berkisar antara dua hingga empat belas hari. Gejala umum termasuklah demam, batuk dan sukar bernafas.

Usaha yang boleh dilakukan untuk menangani virus ini adalah seperti pengurangan simptom dan terapi sokongan kerana pada masa ini tiada vaksin atau rawatan antiviral tertentu untuk penyakit ini. Namun begitu, terdapat beberapa langkah pencegahan yang telah disyorkan. Antaranya, mencuci tangan dengan air dan sabun, menutup mulut apabila batuk atau bersin, mengekalkan jarak daripada orang lain (terutamanya mereka yang tidak sihat), dan pemantauan serta pengasingan diri selama 14 hari untuk orang yang mengesyaki mereka dijangkiti.

Usaha untuk mencegah penyebaran termasuk sekatan perjalanan, kuarantin, pengurangan, penangguhan acara dan pembatalan, serta penutupan kemudahan. Hal ini termasuklah kuarantin Hubei, kuarantin seluruh negara Itali, Sepanyol, Perancis, Republik Czech, dan Jerman, langkah-langkah pengurangan di China dan Korea Selatan, pelbagai penutupan sempadan atau sekatan penumpang yang masuk, saringan di lapangan terbang dan stesen kereta api, dan nasihat perjalanan mengenai kawasan dengan penghantaran komuniti.

Kesimpulannya, pandemik ini amat memberi kesan kepada sesebuah negara yang dijangkiti dalam pelbagai aspek kehidupan. Usaha yang berterusan daripada pihak kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 ini perlu **mengambil pusing** hal ini dengan mengikut segala saranan oleh pihak yang bertanggungjawab dengan penuh berdisiplin.

(Sumber: Wikipedia Bahasa Melayu, 2020)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “**mengambil pusing**”? **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan di atas, berikan **EMPAT (4)** langkah pencegahan yang dicadangkan untuk mengelakkan diri daripada dijangkiti daripada virus ini. **(4 markah)**
3. Nyatakan **DUA (2)** impak pandemik ini terhadap negara Malaysia. **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

MASA

Oleh: Devindera a/l Selvaraj

Masa mesti dijaga
jangan disia-siakan
jika masa terbuang
rezeki jua melayang

Setiap detik sangat berguna
Walaupun sesaat sangat diutamakan
Hendaklah kita pandai mengguna
Supaya kerja menjadi sempurna

Masa berlalu silih berganti
Perginya tidak berganti
Siang dan malam
Petang dan pagi

Masa itu amat berguna
Walaupun tidak kira di mana berada
Jika selalu lalai dan lena
Larilah ia, kita merana

Janganlah kita malas sentiasa
Kelak diri akan terseksa
Dari itu jagalah masa
Supaya bahagia setiap ketika

(sumber: Tunas Cipta, bil. (1) 2020)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “**rezeki jua melayang**”? **(2 markah)**
2. Apakah **DUA (2)** nasihat yang terdapat dalam puisi tersebut? **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya seseorang pelajar menguruskan masa? **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

I. masuk **(2 markah)**

II. memasuki **(2 markah)**

III. memasukkan **(2 markah)**

IV. dimasukkan **(2 markah)**

V. kemasukan **(2 markah)**

(10 markah)

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dan tulis di kertas jawapan.

1. Karmila telah melantik menjadi ketua pasukan bola jaring kerana dia juga merupakan atlit di sekolahnya.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

2. Pegawai itu telah mengena tindakan tata tertib apabila dia menyalahgunakan kuasa.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

3. Polis percaya bahawa pembunuhan ngeri itu melakukan oleh orang yang dikenali mangsa.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

4. Saya suka kehabisan masa di pulau ini kerana suasananya nyaman dan pemandangannya sungguh indah.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

5. Doktor mengesahkan bahawa adik menghidap penyakit buah pinggang yang keritikal.

Kesalahan ejaan: _____

Kesalahan imbuhan: _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Penularan penyakit berjangkit amat membimbangkan kita. Jelaskan langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk menangani penularan penyakit berjangkit agar kita semua dapat hidup dalam keadaan yang harmoni.

ATAU;

SOALAN 2

Dewasa ini, permainan tradisional semakin dilupakan oleh generasi sekarang akibat kemajuan sains dan teknologi yang menyajikan aplikasi permainan moden. Bincangkan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mempopularkan permainan tradisional dalam kalangan remaja dan masyarakat.

ATAU;

SOALAN 3

Perpustakaan ialah sebuah bangunan yang menyimpan pelbagai koleksi sumber maklumat dan menyediakan perkhidmatan, diuruskan untuk digunakan, dan diuruskan oleh perbadanan awam (kerajaan), institusi mahupun persendirian. Jelaskan faedah-faedah menggunakan perpustakaan khususnya kepada para pelajar.

KERTAS SOALAN TAMAT